



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO	:	MUKA SURAT	:	68
TARIKH	:	21/8/2018				
JABATAN	:	PERHILITAN				
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN				

# 68 setempat

21-08-2018

**Mohd Azam Shah Yaacob**  
cnews@nstp.com.my

## Kuala Lumpur

**M**isteri kotak berbau busuk di Pos Aviation Cawangan Eksport, bangunan Terminal Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, membongkar kegiatan penyeludupan 50 batang sumbu badak dan bangkai haiwan bernilai RM48.5 juta.

Tembelang sindiket penyeludupan itu pecah selepas pemeriksaan lanjut dilakukan menemui enam kotak mengandungi sumbu badak manakala empat lagi mengandungi bangkai haiwan tanpa kulit dipercayai daripada spesies karnivor.

Barangan itu dipercayai ingin diseludup ke Vietnam oleh sindiket penyeludupan haiwan liar antarabangsa melalui KLIA.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, semua bahagian haiwan liar itu dirampas pada 13 Ogos lalu selepas menerima

maklumat daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada jam 8 malam mengenai kewujudan beberapa kotak berbau busuk di bangunan berkenaan.

Katanya, rampasan itu paling besar di negara ini memabitkan sumbu badak dipercayai daripada spesies badak Afrika dan bangkai haiwan spesies karnivor atau haiwan pemangsa seperti beruang, harimau, harimau kumbang dan harimau dahan.

"Semua 50 sumbu badak dirampas adalah seberat 116 kilogram (kg) dengan nilai keseluruhannya RM48 juta dan dijual di pasaran gelap pada harga RM100,000 bagi setiap kilogram.

"Sembilan set bangkai haiwan itu pula seberat 200kg dengan nilai pasaran gelap mencecah RM500,000," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat PERHILITAN, semalam.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan PERHILITAN, Salman Saaban.

Abdul Kadir berkata, semua bahagian haiwan berkenaan dipercayai cuba diseludup ke satu alamat di Hanoi, Vietnam dan dibawa



ABDUL Kadir (kanan) menunjukkan sumbu badak yang dirampas.

## Misteri kotak busuk

■ JKDM bongkar kegiatan seludup sumbu badak, haiwan RM48.5j

masuk ke negara ini dengan menjadikan KLIA sebagai laluan transit.

Katanya, PERHILITAN percaya bahagian haiwan berkenaan akan diproses untuk dijadikan serbuk bagi tujuan perubatan di Vietnam.

"Buat masa ini, kita masih menyangka siapa pengirim semua bangkai haiwan itu,

bila ia sampai di KLIA dan siapa penerimanya.

"Malah, kita percaya alamat penerimanya di Hanoi adalah palsu dan bahagian haiwan itu akan diambil oleh ahli sindiket sebaik tiba di negara berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan menghantar sampel haiwan serta laporan ram-

pasan kepada saintis di Geneva, Switzerland untuk ujian bagi mengesan negara asal bahagian haiwan berkenaan.

Katanya, pihaknya juga akan menghantar laporan dan bekerjasama dengan Polis Antarabangsa (INTERPOL) mengenai rampasan berkenaan berikutan ia membabitkan jenayah rentas sempadan dan

semua bahagian haiwan itu akan dihantar pulang ke negara asal selepas mengetahui dari mana ia datang.

"Kes disiasat mengikut Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) kerana mengekspor haiwan dilindungi tanpa permit," katanya.